



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 25 Januari 2022	
1	Import ayam cetus krisis harga, persaingan bekalan
2	Peniaga kurang gemar guna ayam kotak
3	Penjual lebih suka jual telur gred C, D
4	Telur gred C, D jadi pilihan pengguna

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Import ayam cetus krisis harga, persaingan bekalan

Syarikat penternak minta kerajaan benar kemasukan buruh asing, mansuh harga kawalan

Oleh Suzalina Halid dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Syarikat penternak menyifatkan keputusan kerajaan untuk membawa masuk ayam bulat import hanya memburukkan lagi keadaan apabila ia dikuatiri mencetuskan krisis harga dan persaingan bekalan.

Menurut mereka, langkah itu juga boleh 'menakutkan' industri tempatan apabila kebanyakan syarikat penternak akan bertindak menurunkan produktiviti kerana tidak mahu wujudkan peperangan harga antara bekalan tempatan dan import.

Pengarah Urusan Bisnis Empire Sdn Bhd, Mazlina Kamarudin, berkata ketika ini penternak ayam berada dalam keadaan ber-tahan dan tidak berani untuk menambah bekalan selepas kerajaan memutuskan untuk membawa masuk bekalan dari luar.

"Kita berpandangan mengimport ayam bulat dari negara luar boleh menyebabkan bekalan tempatan semakin terjejas, selain mewujudkan persaingan.



Syarikat penternak ayam mahu kerajaan laksana harga kawalan lebih berfais 'relevan' dengan keadaan semasa. (Foto Alimuddin Saad/MT)

"Kebanyakan penternak 'takut' untuk meningkatkan kapasiti berikutan bimbang adanya 'pertembungan' dengan bekalan dari luar negara," katanya kepada BH, semalam.

Akhbar ini semalam melaporkan, Malaysia terpaksa mencari negara sumber baharu bagi mengimport bekalan ayam disebabkan bekalan terhad dan harga tinggi yang ditawarkan oleh negara sumber sedia ada.

Sehingga kini, Malaysia belum boleh membawa masuk ayam bulat import seperti diputuskan kerajaan bulan lalu untuk menangani isu kenaikan secara mendadak harga ayam tempatan, be-

rikutan harga yang ditawarkan negara sumber, iaitu Thailand adalah tinggi.

Difahamkan, bagi seki-logram ayam bulat dari Thailand, harga yang ditetapkan adalah kira-kira RM8.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norliza Mohd Noor, berkata disebabkan harga tinggi ditawarkan Thailand, perancangan negara untuk membawa masuk ayam bulat import sejak Disember lalu tidak kesampulan.

Bagi mengatasi isu itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JFV) mencadangkan kepada kerajaan supaya Malaysia mengimport da-

ri negara sumber lain, iaitu Brazil dan Denmark.

Mengulas mengenai ini, Mazlina berkata, langkah mengimport sebenarnya berbahaya kepada industri tempatan kerana penternak ayam sudah mengeluarkan belanja dan pelaburan yang besar.

Malah, katanya, lebih dikhawatirkan sekiranya ayam yang dibawa masuk itu adalah lebihan bekalan dari negara asal.

Sehubungan itu, katanya, bekalan ayam segar tempatan diyakini akan kembali pulih sekiranya kerajaan membenarkan kemasukan buruh asing untuk bekerja dalam sektor ladang, se-

● Kebanyakan penternak 'takut' untuk meningkatkan kapasiti berikutan bimbang adanya 'pertembungan' dengan bekalan dari luar negara

Mazlina Kamarudin,
Pengarah Urusan
Bisnis Empire
Sdn Bhd



lain memansuhkan harga kawalan ayam.

"Sekarang ini pada peringkat ladang, harga suling bagi seki-logram ayam adalah RM6.10 sedangkan kalau nak selesa dalam keadaan ada keuntungan sedikit, harganya patut dalam lingkungan RM6.50 setiap kilogram tanpa ada harga kawalan.

"Jika harga berada pada paras RM6.50 setiap kilogram, ramai penternak ayam akan menambah kapasiti dan bila ayam sudah banyak di pasaran, harga dengan sendirinya akan jatuh," katanya.

Pengarah Azmi Fresh Chicken Sdn Bhd, Mohd Azmi Abdullah, pula berkata bekalan ayam tempatan boleh 'diselamatkan' jika kerajaan melaksanakan harga kawalan yang lebih berfais 'relevan' dengan keadaan semasa.

Beliau berkata, jika harga kawalan itu disenangi antara pihak penternak dan pemborong, mereka lebih berani untuk meningkatkan produktiviti, sekali-gus tidak perlu bergantung kepada bekalan import.

"Jika kerajaan tidak mengawal harga ayam (dengan harga sangat rendah), penternak berani mengeluarkan lebih ayam dan apabila bekalan lebih, harga akan turun," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25.1.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	2

Peniaga kurang gemar guna ayam kotak

Kuala Lumpur: Kalangan peniaga dan pengusaha makanan mengakui lebih cenderung untuk mendapatkan bekalan ayam segar tempatan bagi menjamin kualiti masakan dan makanan yang dihasilkan.

Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPK-MWP), Datuk Mohamad Abdullah, berkata namun peniaga kini berdepan dilema untuk mendapatkan bekalan ayam tempatan kerana harganya yang meningkat sehingga 40 peratus berbanding sebelum ini.

Beliau berkata, langkah membawa masuk ayam bulat dari negara luar dikhuatiri kurang dari segi kesegarannya dan ini menjejaskan kualiti makanan dijual.

"Masalahnya sekarang peniaga kurang gemar akan ayam yang

tidak segar (import) di mana kebiasaannya bekalan import ini kita gelarkannya sebagai ayam kotak.

"Namun, harga ayam tempatan pula meningkat tinggi di mana kalau dulu harga sekilogram sekitar RM7 hingga RM8.50 kini mencecah RM9.50 sekilogram.

"Kalau contoh peniaga nasi ayam, kalau guna ayam kurang segar, tidak sedap pula, justeru kalau harga itu mahal sedikitpun

mereka sanggup beli," katanya.

Mohamad berkata, langkah mengimport ayam sepatutnya menjadi keputusan terakhir kerajaan.

"Yang perlu difokuskan sekarang ialah membantu penternak tempatan untuk meningkatkan produktiviti. Kerajaan boleh membantu meningkatkan penghasilan ayam tempatan dengan melebihi subsidi pada peringkat penternak," katanya.

Langkah bawa masuk ayam bulat dari negara luar dikhuatiri kurang dari segi kesegarannya dan ini jejakkan kualiti makanan dijual



Mohamad Abdullah, Yang Dipertua PPPKMWP

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25.1.2022	KOSMO	NASIONAL	MUKA DEPAN

Penjual lebih suka jual telur gred C, D

PENIAGA memilih untuk melebihikan jualan telur gred C dan D berbanding A serta B ketika ini kerana ia mendapat permintaan selain melonjakkan margin keuntungan dalam tempoh Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia sehingga 4 Februari ini.

BERITA DI MUKA 3





TELUR gred C dan D kini menjadi pilihan pengguna di Lembah Klang kerana harganya lebih murah.

Harga lebih murah, mudah didapati di pasaran

Telur gred C, D jadi pilihan pengguna

KUALA LUMPUR – Pengguna di Lembah Klang kini dilihat beralih kepada telur gred C dan D berbanding gred A dan B berikutan harga yang lebih murah selain mudah didapati.

Telur gred C dan D rata-ratanya dijual pada harga antara 38 sen hingga 39 sen sebiji berbanding 41 sen hingga 43 sen sebiji bagi gred A dan B.

Situasi itu turut menyebabkan berlaku lambakan bekalan telur gred A dan B di pasaran sehingga menyebabkan bahan asas berkenaan busuk tidak terjual.

Bagi peniaga telur dikenali Ahmad, keadaan itu berlaku selepas pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) tahun lalu yang seterusnya menyebabkan margin keuntungan menjadi rendah.

Katanya, peniaga hanya meraih untung sebanyak 30 sen bagi satu papan telur gred A dan B berbanding 90 sen sebelum pelaksanaan SHMKM.

"Berikutan itu banyak telur jadi busuk kerana tiada pembeli dan seterusnya menanggung kerugian. Sudah 40 tahun saya

berniaga, ini la tempoh paling sukar sepanjang saya berniaga," katanya kepada Kosmo! semalam.

Luahan yang sama disuarakan seorang peniaga dikenali Siti yang memberitahu, keuntungan kecil menyebabkan pembekal dan pemborong turut mengehendkan bekalan telur gred A dan B kerana tidak mahu menanggung kerugian.

"Pelanggan tiada, sampai telur busuk. Pengguna hanya ingin membeli telur jenis gred C dan D sebab mereka dapat berjimat," ujarnya.

Situasi sama turut disuarakan seorang pekerja sebuah pasar raya yang memberitahu, kebanyakan pelanggan menjadikan telur jenis gred C dan D sebagai pilihan sehingga pihaknya mengalami kerugian.

Sementara itu, seorang suri rumah dikenali Intan Liyana memberitahu, kualiti gred C dan D tidak jauh berbeza dengan telur gred A dan B yang dijual lebih mahal.

"Bagi saya telur gred C dan D tetap berkualiti asalkan kulitnya nampak rata dan bersih serta

segar sudah cukup. Tidak perlu mengeluarkan belanja lebih untuk beli telur gred A dan B.

"Ini kerana, keperluan bahan basah bukan hanya untuk telur sahaja, memandangkan hampir semua kos barangan lain sudah naik sekarang," jelasnya.

Sementara itu, seorang pegawai perhubungan awam, Maria Hayati Ahmad, 28, berkata, tidak berbaloi untuk dirinya membeli telur jenis gred yang tinggi pada harga yang mahal memandangkan semua jenis bahan asas itu sama dari segi tahap kesihatan.

"Mustahil hari-hari saya nak makan telur. Jadi tidak ada sebab saya nak beli gred mahal.

"Beli telur gred C dan D sama sahaja dengan jenis gred A dan B. Kalau ada beza pun mungkin dari segi proses penghasilan gred A dan B lagi bersih," jelasnya.